

D.R. 42/2010

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Timbang Tara 2005.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Timbang Tara (Pindaan) 2010.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Timbang Tara 2005 [*Akta 646*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam perenggan 2(2)(b) dengan menggantikan perkataan “seksyen 3 dan 30” dengan perkataan “seksyen 3”.

Pindaan seksyen 8

3. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 8 dengan seksyen yang berikut:

“Takat campur tangan mahkamah

8. Tiada mahkamah boleh campur tangan dalam perkara yang dikawal oleh Akta ini, kecuali jika diperuntukkan sedemikian dalam Akta ini.”.

Pindaan seksyen 10

4. Seksyen 10 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Mahkamah yang di hadapannya prosiding dibawa berkenaan dengan suatu perkara yang menjadi hal suatu perjanjian timbang tara hendaklah, jika suatu pihak membuat permohonan sebelum mengambil apa-apa langkah lain dalam prosiding itu, menggantung prosiding itu dan merujuk pihak-pihak itu kepada timbang tara melainkan jika mahkamah itu mendapati bahawa perjanjian itu adalah batal dan tidak sah, tidak berkuat kuasa atau tidak dapat dilaksanakan.”;

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Jika prosiding admiralti digantung menurut subseksyen (1), mahkamah yang membenarkan penggantungan itu boleh, jika dalam prosiding mahkamah itu harta pernah ditahan atau ikat jamin atau jaminan lain telah diberikan untuk mengelakkan atau mendapatkan pelepasan daripada tahanan—

(a) memerintahkan supaya harta yang ditahan itu dipegang sebagai jaminan bagi penyelesaian apa-apa award yang diberikan dalam timbang tara berkenaan dengan pertikaian itu; atau

(b) memerintahkan supaya penggantungan prosiding itu adalah dengan syarat pengadaaan jaminan yang setara bagi penyelesaian apa-apa award sedemikian.

(2B) Tertakluk kepada apa-apa kaedah-kaedah mahkamah dan kepada apa-apa ubah suaian yang perlu, undang-undang dan amalan yang sama hendaklah terpakai berhubungan dengan harta yang ditahan menurut suatu perintah di bawah subseksyen (2A) sebagaimana akan terpakai jika ia ditahan bagi maksud prosiding dalam mahkamah yang membuat perintah itu.

(2C) Bagi maksud seksyen ini, prosiding admiralti merujuk kepada prosiding admiralti di bawah Aturan 70 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 [*P.U. (A) 50/1980*] dan prosiding yang dimulakan menurut perenggan 24(b) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*].”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Seksyen ini hendaklah juga terpakai berkenaan dengan timbang tara antarabangsa, sekiranya tempat timbang tara bukan di Malaysia.”.

Pindaan seksyen 11

5. Seksyen 11 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1)(e), dengan memasukkan selepas perkataan “pertikaian” perkataan “, sama ada melalui penahanan harta atau ikat jamin atau jaminan lain menurut bidang kuasa admiralti Mahkamah Tinggi”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Seksyen ini hendaklah juga terpakai berkenaan dengan timbang tara antarabangsa, sekiranya tempat timbang tara bukan di Malaysia.”.

Pindaan seksyen 30

6. Subseksyen 30(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Berkenaan dengan” dengan perkataan “Melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak, berkenaan dengan”.

Pindaan seksyen 38

7. Subseksyen 38(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “timbang tara domestik” dengan perkataan “suatu timbang tara sekiranya tempat timbang tara adalah di Malaysia”.

Pindaan seksyen 39

8. Seksyen 39 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam subperenggan (a)(ii), dengan menggantikan perkataan “Malaysia” dengan perkataan “Negara di mana award dibuat”; dan

(ii) dalam subperenggan (a)(v), dengan menggantikan perkataan “(2)” dengan perkataan “(3)”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Jika keputusan tentang perkara yang dikemukakan kepada timbang tara boleh diasingkan daripada perkara yang tidak dikemukakan, hanya bahagian award itu yang mengandungi keputusan tentang perkara yang dikemukakan kepada timbang tara boleh diiktiraf dan dikuatkuasakan.”.

Pindaan seksyen 42

9. Seksyen 42 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Mahkamah Tinggi hendaklah menolak suatu rujukan yang dibuat di bawah subseksyen (1) melainkan jika soal undang-undang itu menjejaskan secara substansial hak satu pihak atau lebih.”.

Pindaan seksyen 51**10. Seksyen 51 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (2) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memotong perkataan “perjanjian timbang tara dibuat atau”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Apa-apa prosiding mahkamah yang berhubungan dengan timbang tara yang telah dimulakan selepas permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah dikawal oleh Akta ini walaupun prosiding itu timbul daripada prosiding timbang tara yang bermula sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Timbang Tara 2005 (“Akta 646”).

2. *Fasal 1* bertujuan untuk memperuntukkan tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk memotong sebutan mengenai seksyen 30 Akta 646 dalam perenggan 2(2)(b) Akta 646 untuk meletakkan seksyen 30 dalam lingkungan perenggan 2(2)(b), dengan itu membenarkan pihak-pihak untuk memberikan kebenaran kepada pihak ketiga berhubung dengan hak mereka di bawah seksyen 30.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 8 Akta 646 untuk menerima, dengan pengubahsuaian, bahasa yang digunakan dalam *United Nations Commission on International Trade Law (UNCITRAL) Model Law on International Commercial Arbitration 1985*. Peruntukan ini bertujuan untuk menghadkan campur tangan mahkamah kepada situasi yang diliputi secara khusus oleh Akta 646 dan untuk mengelakkan penggunaan kuasa sedia ada.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subseksyen 10(1) Akta 646 dan memasukkan subseksyen baru (2A), (2B), (2C) dan (4). Subseksyen 10(1) dipinda untuk memotong peruntukan yang tidak perlu. Subseksyen baru (2A) dan (2B) memberi mahkamah kuasa untuk memerintahkan penahanan harta atau pengadaaan jaminan sementara menanti keputusan prosiding timbang tara yang berhubungan dengan pertikaian admiralti. Subseksyen baru (2C) adalah untuk mengadakan takrif “prosiding admiralti”. Subseksyen baru (4) memberi mahkamah di Malaysia kuasa untuk membenarkan penggantungan prosiding sekiranya tempat timbang tara di luar Malaysia.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda perenggan 11(1)(e) Akta 646 untuk menjelaskan bahawa untuk menjamin jumlah dalam pertikaian, mahkamah boleh memerintahkan tahanan suatu harta, ikat jamin atau apa-apa jaminan lain sebelum atau semasa prosiding timbang tara. Subseksyen baru 11(3) dimasukkan untuk memberi mahkamah di Malaysia kuasa untuk membuat perintah bagi apa-apa langkah interim walaupun tempat timbang tara di luar Malaysia.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 30 Akta 646 untuk membenarkan pihak-pihak kepada timbang tara domestik untuk menentukan undang-undang substantif yang akan terpakai tetapi tribunal timbang tara hendaklah menggunakan undang-undang Malaysia sekiranya tiada penentuan sedemikian oleh pihak-pihak.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 38 Akta 646 untuk mengadakan peruntukan bagi penguatkuasaan apa-apa award yang dibuat di Malaysia sama ada berkenaan dengan timbang tara domestik atau antarabangsa.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 39 Akta 646 untuk mengadakan peruntukan bahawa keputusan berkenaan dengan pengesahan perjanjian timbang tara patut diputuskan di bawah undang-undang Negara di mana award itu telah diberikan dan tidak semestinya di bawah undang-undang Malaysia. Pindaan lain dalam *fasal 8* adalah untuk mengadakan peruntukan bagi kebolehasingan supaya selaras dengan *United Nations Commission on International Trade Law (UNCITRAL) Model Law*.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 42 Akta 646 dengan memasukkan subseksyen baru (1A) untuk membenarkan Mahkamah Tinggi menolak apa-apa rujukan atas soal undang-undang melainkan jika soal undang-undang itu menjejaskan seara substansial hak satu pihak atau lebih.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda subseksyen 51(2) Akta 646 dalam teks bahasa kebangsaan supaya selaras dengan teks bahasa Inggeris. Untuk mengelakkan keraguan, subseksyen 51(4) dimasukkan untuk menjelaskan bahawa apa-apa prosiding mahkamah yang telah dimulakan selepas permulaan kuat kuasa Akta 646 hendaklah dikawal oleh Akta 646 walaupun prosiding timbang tara yang berhubungan dengan prosiding mahkamah sedemikian bermula sebelum permulaan kuat kuasa Akta 646.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2645]